

Ruj. Kami: PNM(AK)140/JId.111( 62 )

9hb. November 2006

Semua jabatan/Pusat Tanggungjawab/  
Pejabat Pemungut  
Negeri Melaka

YB Datuk/Tuan/Puan,

## BUKU TUNAI CERAKINAN

Adalah saya di arah merujuk mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa semua jabatan/Pusat Tanggungjawab (PTJ)/Pejabat Pemungut hendaklah mengemukakan Buku Tunai Cerakinan yang dijana melalui Sistem SPEKS Modul Terimaan bagi tujuan menggantikan Buku Tunai secara manual dengan memastikan semua transaksi dimasukkan ke Sistem SPEKS mulai 01.12.2006. Laporan yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

- i. Buku Tunai Pungutan/Terimaan yang dicetak dari 'button' 30
- ii. Laporan Kutipan Harian Mengikut Jenis yang dicetak dari 'button' 23
- iii. Laporan Senarai Resit Yang Dibatalkan yang dicetak dari 'button' 45
- iv. Salinan resit untuk diaudit (berwarna biru) jika dibatalkan perlu dikemukakan bersama salinan asal yang telah dicop **BATAL**
- v. Resit Kewangan 38 jika ada kutipan luar atau kutipan secara manual dilakukan
- vi. Borang Kewangan 253 dan Kew. 68

Jika tiada pungutan pada bulan tersebut laporan yang dijana dan dicatatkan perkataan **TIADA** hendaklah dikemukakan ke jabatan ini.

3. Walaubagaimanapun laporan lain perlu dicetak untuk simpanan jabatan antaranya ialah:

- i. Laporan Kutipan Harian Mengikut Operator dicetak melalui 'button' 22
- ii. Laporan Kutipan Harian Mengikut Resit dicetak melalui 'button' 24

iii. Laporan Penyata Pemungut dicetak melalui ‘button’ 12

4. Bagi tujuan menjana Buku Tunai dari Sistem SPEKS Semua jabatan/PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah memastikan semua kutipan/terimaan dimasukkan melalui ‘button’ 13 seterusnya diproses (di menu proses) dan penyata pemungut dijana melalui ‘button’ 11. Jabatan/PTJ/Pejabat Pemungut yang masih tidak menggunakan sistem terimaan melalui ‘button’ 13 dan 11 hendaklah mengemukakan Buku Tunai secara manual pada setiap bulan.
5. Semua jabatan/PTJ/Pejabat Pemungut perlu memastikan Buku Tunai Cerakinan yang lengkap bersama borang-borang lain yang perlu dikemukakan untuk tujuan Kira-Kira Audit Tunai samada secara manual atau dijana melalui Sistem SPEKS hendaklah dikemukakan pada setiap 10hb. berikutnya kepada jabatan ini seperti di Arahan Perbendaharaan 145. Peraturan ini berkuatkuasa mulai dari 01 Disember 2006. Bagi menentukan ketepatan amaun di Buku Tunai jabatan/PTJ/Pejabat Pemungut perlu mengemukakan Buku Tunai secara manual dan dijana melalui SPEKS (parallel) bagi bulan September, Oktober dan November 2006 ke jabatan ini seperti yang dimaklumkan di Mesyuarat Pemantaun SPEKS Bil.8/2006 pada 07 Ogos 2006.

Sekian untuk makluman dan tindakan YB Datuk, tuan/puan.

Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah

(KAMAL BAHRI BIN HJ. RAMLI)  
Bendahari Negeri  
MELAKA